



Good food, Good life

### **TERMA DAN SYARAT**

#### **A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

1. <b><u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. <b><u>Promosi:</u></b>	PERADUAN NESCAFÉ JOM BELI & MENANG 2024.
3. <b><u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/03/2024 dan ditutup jam 23:59:59 pada 30/04/2024.
4. <b><u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk individu Semenanjung Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Semenanjung Malaysia sahaja. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <b><u>Produk Turut Serta:</u></b>	Untuk senarai produk yang turut serta (“Produk”), sila rujuk pada risalah Promosi dan laman web Promosi: <a href="https://www.nescafe.com/my/our-campaigns/peraduan-jom-beli-dan-menang-2024">https://www.nescafe.com/my/our-campaigns/peraduan-jom-beli-dan-menang-2024</a> .
6. <b><u>Kaedah Penyertaan:</u></b>	<ol style="list-style-type: none"><li>Untuk menyertai Promosi, beli sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15) (“Pembelian Minima”), maksima sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh (RM150) mana-mana produk NESCAFÉ yang turut serta dalam satu resit asal dari mana-mana outlet dalam kedai (“Resit”) dan/atau invois outlet dalam talian seumpama dan/atau tangkapan skrin pesanan dari platform dalam talian Shopee dan/atau Lazada sahaja (“Invois”) semasa Tempoh Promosi. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang resit dan/atau invois lain daripada platform dalam talian cth. laman web/aplikasi mudah alih bagi outlet dalam kedai seumpama tidak akan diterima. (Sila rujuk seksyen 6e untuk peruntukan nombor bersiri).</li><li><b><u>Resit outlet dalam kedai:</u></b><ol style="list-style-type: none"><li>Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem point-of-sale dan/atau resit bertulis untuk pembelian di outlet dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicop dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat. Untuk mengelakkan keraguan, semua resit bertulis hendaklah dicop dengan cap rasmi syarikat outlet.</li><li>Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor Resit dan nama dan/atau logo outlet (“Butiran Resit”).</li></ol></li><li><b><u>Invois dalam talian:</u></b></li></ol>

- i. Invois boleh didapati dalam bentuk tangkapan skrin invois dari platform dalam talian Shopee dan/atau Lazada sahaja. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo platform dalam talian dan/atau peniaga di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau baucar diskaun, jumlah bayaran akhir mestilah dengan pembelian minima dan ke atas untuk layak.
- ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor Invois dan nama dan/atau logo platform dalam talian dan/atau peniaga ("Butiran Invois").
- d. Bagi Peserta dengan pembelian dari mana-mana outlet eksklusif dalam kedai yang disenaraikan di bawah ("Outlet Eksklusif"), semasa Tempoh Promosi juga akan berpeluang memenangi hadiah tambahan. Sila rujuk seksyen 10 hingga 15.
- i. LOTUS'S.
  - ii. ECONSAVE
  - iii. Mana-mana pasar raya tempatan lain dan kedai perdagangan am ("LS & GT").
- e. Pengajur akan memperuntukkan nombor bersiri berdasarkan kuantiti pembelian seperti yang dinyatakan dalam Resit dan/atau Invois ("Bukti Pembelian") yang diserahkan. Untuk setiap Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15), Pengajur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri dan maksima sehingga sepuluh (10) nombor bersiri. Sebarang baki jumlah akan dilucutkan sebaik sahaja nombor bersiri maksima bagi setiap Bukti Pembelian telah diperuntukkan. Sila rujuk klausula Maklumat Pengadilan di bawah.
- Contoh:
- Jika anda membeli Produk berjumlah RM17.50 dalam satu Bukti Pembelian semasa Tempoh Promosi, Pengajur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri.
  - Jika anda membeli Produk berjumlah RM179.50 dalam satu Bukti Pembelian semasa Tempoh Promosi, Pengajur akan memperuntukkan sepuluh (10) nombor bersiri.
- f. Terdapat dua (2) kaedah untuk menyertai Promosi iaitu SAMA ADA melalui:
- i. Laman Web; ATAU
  - ii. WhatsApp.
- g. Semua penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Pengajur. **Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan tetapi setiap Bukti Pembelian HANYA layak untuk satu (1) penyertaan sama ada melalui Laman Web atau melalui WhatsApp.**
- h. Pengajur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca, dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, berulang, tidak jelas, rosak, diubah dan/atau diubah suai dalam apa juar cara

	<p>tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta. Untuk mengelakkan keraguan, Pengajur juga boleh, tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta, membatalkan kelayakan mana-mana Bukti Pembelian jika Pengajur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan ke atas Produk yang tidak dibeli.</p> <p>i. <u>Langkah-langkah kemasukan Penyertaan Laman Web:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lawati Laman Web Promosi dan lengkapkan Borang Web di: <a href="https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1377833_2862/.html">https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1377833_2862/.html</a> atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di outlet yang mengambil bahagian.</li> <li>ii. Lengkapkan semua butiran peribadi yang diperlukan ("Butiran Peribadi") dalam Borang Web yang disediakan di Laman Web Promosi.</li> <li>iii. Tangkap satu (1) gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpg atau jpeg atau png ("Imej") Resit dan/atau Invois lengkap dengan Butiran Resit dan/atau Invois.</li> <li>iv. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit dan/atau Invois sahaja dan fail Imej mestilah kurang daripada 5MB.</li> <li>v. Muat naik Imej pada Borang Web dan hantar ("Penyertaan").</li> <li>vi. Pengajur akan auto-balas dengan menghantar laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan yang diterima.</li> </ul> <p>j. <u>Langkah-langkah kemasukan Penyertaan WhatsApp:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png ("Imej") Resit dengan Butiran Resit ("Imej").</li> <li>ii. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit sahaja dan saiz fail Imej mesti kurang daripada 5MB.</li> <li>iii. Hantar Imej melalui WhatsApp ke <b>6018 388 6133</b> menggunakan nombor mudah alih yang berdaftar di Malaysia.</li> <li>iv. Anda akan menerima mesej autobalas yang akan mengarahkan anda untuk menyerahkan Nama Penuh dan Nombor Pengenalan anda ("Butiran Peribadi") serta-merta mengikut format: <b>#NAMA PENUH#NO PENGENALAN</b> untuk melengkapkan pendaftaran dan penyerahan penyertaan anda ("Penyertaan"). <u>Contoh:</u> Taip: <b>#ALI BIN OMAR#010801145895</b> dan hantar.</li> <li>v. Anda dikehendaki memberikan Butiran Peribadi anda sekali sahaja. Anda boleh menghantar seberapa banyak Penyertaan yang anda inginkan, dan semua Penyertaan berikutnya akan dipautkan kepada Butiran Peribadi yang diberikan sebelumnya.</li> <li>vi. Auto-balas laporan perakuan penerimaan penyertaan akan dihantar oleh Pengajur untuk Penyertaan pertama yang diterima dari setiap nombor mudah alih sahaja.</li> </ul> <p>k. Pengajur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya, pengesahan dan kelayakan. Pengajur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau Imej yang mengandungi lebih</p>
--	--

	<p>daripada satu (1) Resit. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta.</p> <p>I. Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak Bukti Pembelian asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p>								
7. <u><b>Tarikh Tutup Penyertaan:</b></u>	Semua penyertaan Peraduan mesti diterima oleh Penganjur dalam Tempoh Peraduan. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.								
8. <u><b>Hadiah Mingguan:</b></u>	<p>a. Terdapat sejumlah enam puluh sembilan (69) Hadiah Mingguan yang terdiri daripada hadiah-hadiah di bawah untuk dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dua (2) Hadiah Utama Mingguan dalam bentuk satu (1) wang tunai Duit Raya RM10,000 setiap satu.</li> <li>ii. Sebelas (11) Hadiah Pertama Mingguan dalam bentuk satu (1) Jongkong Emas 999.9 5g HABIB JEWELS* bernilai RM1,700 setiap satu. <i>*Nilai Jongkong Emas 999.9 5g HABIB JEWELS adalah betul pada masa pencetakan. Harga emas adalah berdasarkan pada harga emas semasa. Sijil ketulenan HABIB JEWELS akan disertakan pada bungkusan.</i></li> <li>iii. Lima puluh enam (56) Hadiah Sagu Hati Mingguan dalam bentuk satu (1) Kod PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM50 setiap satu, tertakluk kepada terma dan syarat keatasnya.</li> </ul> <p>b. Terdapat sejumlah lima ratus lima puluh dua (552) Hadiah Mingguan untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>c. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan lapan (8) tempoh mingguan adalah seperti di bawah:</p> <table> <tbody> <tr> <td>Minggu 1: 01/03/2024 – 07/03/2024</td> <td>Minggu 2: 08/03/2024 – 14/03/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3: 15/03/2024 – 21/03/2024</td> <td>Minggu 4: 22/03/2024 – 28/03/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5: 29/03/2024 – 04/04/2024</td> <td>Minggu 6: 05/04/2024 – 11/04/2024</td> </tr> <tr> <td>Minggu 7: 12/04/2024 – 18/04/2024</td> <td>Minggu 8: 19/04/2024 – 30/04/2024</td> </tr> </tbody> </table>	Minggu 1: 01/03/2024 – 07/03/2024	Minggu 2: 08/03/2024 – 14/03/2024	Minggu 3: 15/03/2024 – 21/03/2024	Minggu 4: 22/03/2024 – 28/03/2024	Minggu 5: 29/03/2024 – 04/04/2024	Minggu 6: 05/04/2024 – 11/04/2024	Minggu 7: 12/04/2024 – 18/04/2024	Minggu 8: 19/04/2024 – 30/04/2024
Minggu 1: 01/03/2024 – 07/03/2024	Minggu 2: 08/03/2024 – 14/03/2024								
Minggu 3: 15/03/2024 – 21/03/2024	Minggu 4: 22/03/2024 – 28/03/2024								
Minggu 5: 29/03/2024 – 04/04/2024	Minggu 6: 05/04/2024 – 11/04/2024								
Minggu 7: 12/04/2024 – 18/04/2024	Minggu 8: 19/04/2024 – 30/04/2024								
9. <u><b>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan:</b></u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Penganjur akan menyusun kira Penyertaan yang diterima dan memperuntukkan nombor bersiri, maksima sehingga sepuluh (10) nombor bersiri, bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sebagai penyertaan yang berjaya setiap minggu, menurut jadual mingguan berdasarkan Produk yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang diserahkan (setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.</p>								

	<p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak Mingguan"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan bagi minggu tersebut ialah <b><u>1129</u></b>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Pemilihan dua (2) Finalis Hadiah Utama Mingguan:</b> <math>1129 \div 2 = 564.5</math>. Oleh sebab pembahagian 1129 dengan 2 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 564.5 akan dibundarkan ke bawah kepada 564. 2 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 564* dan 1128* (*contoh pengiraan: <u>564</u>, <math>564+564=1128</math>).</li> <li>ii. <b>Pemilihan sebelas (11) Finalis Hadiah Pertama Mingguan:</b> <math>1129 \div 11 = 102.64</math>. Oleh sebab pembahagian 1129 dengan 11 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 102.64 akan dibundarkan ke bawah kepada 102. 11 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 102*, 204*, 306*, 408, 510 dan seterusnya (*contoh pengiraan: <u>102</u>, <math>102+102=204</math>, <math>204+102=306</math>).</li> <li>iii. <b>Pemilihan sebelas (11) Finalis Hadiah Sagu Hati Mingguan:</b> <math>1129 \div 56 = 20.16</math>. Oleh sebab pembahagian 1129 dengan 56 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 20.16 akan dibundarkan ke bawah kepada 20. 56 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 20*, 40*, 60*, 80, 100 dan seterusnya (*contoh pengiraan: <u>20</u>, <math>20+20=40</math>, <math>40+20=60</math>).</li> </ul> <p>c. Penganjur akan menghubungi semua Penyertaan Layak terpilih melalui WhatsApp dari <b>6018 388 6133</b> ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Penyertaan Layak terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Penyertaan Layak terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Penyertaan Layak terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p>
10. <b><u>Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif LOTUS'S:</u></b>	<p>a. Terdapat sejumlah dua puluh tiga (23) Hadiah Mingguan LOTUS'S yang terdiri daripada di bawah untuk dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tiga (3) Hadiah Utama Mingguan LOTUS'S dalam bentuk Jongkong Emas 999.9 5g HABIB JEWELS* bernilai RM1,700 setiap satu. <i>*Nilai Jongkong Emas 999.9 5g HABIB JEWELS adalah betul pada masa pencetakan. Harga emas adalah berdasarkan pada harga emas semasa. Sijil ketulenan HABIB JEWELS akan disertakan pada bungkusan.</i></li> <li>ii. Dua puluh (20) Hadiah Sagu Hati Mingguan LOTUS'S dalam bentuk satu (1) BAUCAR LOTUS'S RM50 setiap satu, tertakluk kepada terma dan syarat keatasnya.</li> </ul>

	<p>b. Terdapat sejumlah satu ratus lapan puluh empat (184) Hadiah Mingguan LOTUS'S untuk dimenangi pada akhir Tempoh Promosi.</p>
11. <b><u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif LOTUS'S:</u></b>	<p>a. Untuk memilih Finalis Hadiah Utama dan Sagu Hati Mingguan LOTUS'S, SEMUA <u>Penyertaan Layak dengan Resit LOTUS'S</u> dikumpul dan diproses semasa proses pemilihan mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya sepanjang tempoh mingguan mengikut Resit LOTUS'S yang diserahkan (setiap satu dan secara kolektif "Penyertaan Layak LOTUS'S"). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak LOTUS'S bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak LOTUS'S akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah Penyertaan Layak LOTUS'S ("Jumlah Penyertaan Layak Mingguan LOTUS'S"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan LOTUS'S yang diterima ialah <u>181</u>, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Pemilihan tiga (3) Finalis Hadiah Utama Mingguan LOTUS'S:</b> <math>181 \div 3 = 60.34</math>. Oleh sebab pembahagian 181 dengan 3 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 60.34 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>60</u>. 3 Peserta dengan Penyertaan Layak LOTUS'S yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 60*, 120* dan 180*. (*contoh pengiraan: <u>60</u>, <u>60+60=120</u>, <u>120+60 =180</u>)</li> <li>ii. <b>Pemilihan dua puluh (20) Finalis Hadiah Sagu Hati Mingguan LOTUS'S:</b> <math>181 \div 20 = 9.05</math>. Oleh sebab pembahagian 181 dengan 20 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 9.05 akan dibundarkan ke bawah kepada 9. 20 Peserta dengan Penyertaan Layak LOTUS'S yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 9*, 18*, 27*, 36, 45, 54 dan seterusnya. (*contoh pengiraan: <u>9</u>, <u>9+9=18</u>, <u>18+9 =27</u>).</li> </ul> <p>c. Penganjur akan menghubungi semua Penyertaan Layak LOTUS'S terpilih melalui WhatsApp dari <b>6018 388 6133</b> ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak LOTUS'S. Setiap Penyertaan Layak LOTUS'S terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Penyertaan Layak LOTUS'S terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Penyertaan Layak LOTUS'S terpilih tidak boleh dihubungi atas apa juar sebab.</p>
12. <b><u>Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif ECONSAVE:</u></b>	<p>a. Terdapat sejumlah dua puluh lima (25) Hadiah Mingguan ECONSAVE yang terdiri daripada dalam bentuk satu (1) BAUCAR ECONSAVE RM50 setiap satu, tertakluk kepada terma dan syarat keatasnya untuk dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut.</p>

	<p>b. Terdapat sejumlah dua ratus (200) Hadiah Mingguan ECONSAVE untuk dimenangi pada akhir Tempoh Promosi.</p>
13. <b><u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif ECONSAVE:</u></b>	<p>a. Untuk memilih Finalis Hadiah Mingguan ECONSAVE, <b>SEMUA Penyertaan Layak dengan Resit ECONSAVE</b> dikumpul dan diproses semasa proses pemilihan mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya sepanjang tempoh mingguan mengikut Resit ECONSAVE yang diserahkan (setiap satu dan secara kolektif "Penyertaan Layak ECONSAVE"). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak ECONSAVE bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak ECONSAVE akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah Penyertaan Layak ECONSAVE ("Jumlah Penyertaan Layak Mingguan ECONSAVE"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan ECONSAVE yang diterima ialah <b>251</b>, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan dua puluh lima (25) Finalis Hadiah Sagu Hati Mingguan ECONSAVE: <math>251 \div 25 = 10.04</math>.</b> Oleh sebab pembahagian 251 dengan 25 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 10.04 akan dibundarkan ke bawah kepada <b>10</b>. 25 Peserta dengan Penyertaan Layak ECONSAVE yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 10*, 20*, 30*, 40, 50, 60 dan seterusnya. (*contoh pengiraan: <b>10</b>, <b>10+10=20</b>, <b>20+10=30</b>).</p> <p>c. Penganjur akan menghubungi semua Penyertaan Layak ECONSAVE terpilih melalui WhatsApp dari <b>6018 388 6133</b> ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak ECONSAVE. Setiap Penyertaan Layak ECONSAVE terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Penyertaan Layak ECONSAVE terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Penyertaan Layak ECONSAVE terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab.</p>
14. <b><u>Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif LS &amp; GT:</u></b>	<p>a. Terdapat sejumlah empat puluh (40) Hadiah Mingguan LS &amp; GT yang terdiri daripada di bawah untuk dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut.</p> <p>i. Empat (4) Hadiah Utama Mingguan LS &amp; GT dalam bentuk Jongkong Emas 999.9 5g HABIB JEWELS* bernilai RM1,700 setiap satu.  <i>*Nilai Jongkong Emas 999.9 5g HABIB JEWELS adalah betul pada masa pencetakan. Harga emas adalah berdasarkan pada harga emas semasa. Sijil ketulenan HABIB JEWELS akan disertakan pada bungkusan.</i></p>

	<p>ii. Tiga puluh enam (36) Hadiah Sagu Hati Mingguan LS &amp; GT dalam bentuk satu (1) Kod PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM50 setiap satu, tertakluk kepada terma dan syarat keatasnya.</p> <p>b. Terdapat sejumlah tiga ratus dua puluh (320) Hadiah Mingguan LS &amp; GT untuk dimenangi pada akhir Tempoh Promosi.</p>
15. <b><u>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif LS &amp; GT:</u></b>	<p>a. SEMUA Penyertaan Layak dengan Resit LS &amp; GT dikumpul dan diproses semasa proses pemilihan mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan yang berjaya sepanjang tempoh mingguan mengikut Resit LS &amp; GT yang diserahkan (setiap satu dan secara kolektif "Penyertaan Layak LS &amp; GT"). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak LS &amp; GT bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak LS &amp; GT akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah Penyertaan Layak LS &amp; GT ("Jumlah Penyertaan Layak Mingguan LS &amp; GT "). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan LS &amp; GT yang diterima ialah <u>185</u>, Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan empat (4) Finalis Hadiah Utama Mingguan LS &amp; GT: <math>185 \div 4 = 46.25</math>.</b> Oleh sebab pembahagian 185 dengan 4 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 46.25 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>46</u>. 4 Peserta dengan Penyertaan Layak LS &amp; GT yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 46*, 92*, 138* dan 184 (*contoh pengiraan: <u>46</u>, <u>46+46=92</u>, <u>92+46 =138</u>).</p> <p>ii. <b>Pemilihan tiga puluh enam (36) Finalis Hadiah Sagu Hati Mingguan LS &amp; GT: <math>185 \div 36 = 5.14</math>.</b> Oleh sebab pembahagian 185 dengan 36 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 5.14 akan dibundarkan ke bawah kepada <u>5</u>. 36 Peserta dengan Penyertaan Layak LS &amp; GT yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 5*, 10*, 15*, 20, 25, 30 dan seterusnya (*contoh pengiraan: <u>5</u>, <u>5+5=10</u>, <u>10+5 =15</u>).</p> <p>c. Penganjur akan menghubungi semua Penyertaan Layak LS &amp; GT terpilih melalui WhatsApp dari <b>6018 388 6133</b> ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak LS &amp; GT. Setiap Penyertaan Layak terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Penyertaan Layak LS &amp; GT terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadih. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadih. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Penyertaan Layak LS &amp; GT terpilih tidak boleh dihubungi atas apa juar sebab.</p>
16. <b><u>Terma Tambahan:</u></b>	<p>a. Setiap peserta hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:</p> <p>i. satu (1) Hadiah Mingguan dengan nilai tertinggi,</p>

	<p>ii. satu (1) Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif LOTUS'S dengan nilai tertinggi,</p> <p>iii. satu (1) Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif ECONSAVE, dan</p> <p>iv. satu (1) Hadiah Mingguan Outlet Eksklusif LS &amp; GT dengan nilai tertinggi.</p> <p>b. Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka kepada Pengajur untuk pemenuhan hadiah.</p> <p>c. Pemenang wang tunai Duit Raya RM10,000 akan menerima cek yang perlu dibayar atas nama mereka melalui kurier dalam tempoh 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi ke alamat yang diberikan oleh Pemenang.</p> <p>d. Hadiah Jongkong Emas 999.9 5g HABIB JEWELS akan dihantar kepada Pemenang atau dengan pengambilan sendiri daripada Pengajur dalam masa 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi. Pengajur akan menghubungi semua Pemenang untuk kaedah penghantaran pilihan. Pengajur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah seksyen ini atas sebab-sebab di luar kawalan Pengajur.</p> <p>e. Hadiah Baucar LOTUS'S dan ECONSAVE RM50 akan dihantar kepada Pemenang melalui kurier ke alamat yang diterima Pengajur dalam Penyertaan dalam tempoh 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi.</p> <p>f. Semua kod PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet akan dihantar dalam masa 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi ke nombor mudah alih yang diterima oleh Pengajur dalam Penyertaan. Pengajur tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana PIN Tambah Nilai TnG tidak dapat dihantar kepada Peserta disebabkan sebarang perubahan atau perbezaan dalam nombor hubungan mudah alih yang diserahkan kepada Pengajur semasa penyerahan Penyertaan. Penggunaan PIN Tambah Nilai eWallet Touch 'n Go tertakluk pada Terma &amp; Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); <a href="https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf">https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf</a></p> <p>g. Pengajur berhak untuk melanjutkan jangka masa dan menukar kaedah pemenuhan hadiah yang dinyatakan di bawah seksyen ini mengikut budi bicara Pengajur. Senarai Pemenang akan dipaparkan dalam laman web Pengajur dalam tempoh 6 hingga 8 minggu dari tarikh tutup Promosi.</p> <p>h. Semua hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Pengajur akan dibatalkan.</p> <p>i. Pengajur mempunyai hak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang sama nilai sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.</p> <p>j. Pengajur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau</p>
--	---

	<p>pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>k. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh Pemenang di atas kos mereka sendiri.</p>
--	---

*Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di: le at: <https://www.nescafe.com/my/our-campaigns/peraduan-jom-beli-dan-menang-2024>, secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Peraduan ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").*

## B: Syarat-syarat Penyertaan

### 1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta.

Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

## **2. Penyertaan Peraduan**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

## **3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

## **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

## **5. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
  - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

## **6. Hadiah**

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan

perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barang Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit ) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Pengajur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

- 11.1 Pengajur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Pengajur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Pengajur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Pengajur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pengajur.
- 11.4 Ketidaksahanan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

## **12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Pengajur mengikut Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm).

- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).